



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera
27 Jun 2016

ASNB UMUM AGIHAN PENDAPATAN ASD DAN ASN 2

KUALA LUMPUR -- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk Amanah Saham Didik (ASD), dan juga Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016.

Pemegang unit ASD akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 6.30 sen seunit, manakala pemegang unit ASN 2 akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 3.45 sen seunit. ASD merupakan tabung unit amanah berharga tetap yang mempunyai nilai par RM1.00 manakala ASN 2 merupakan tabung unit amanah harga berubah yang mempunyai nilai par RM0.50.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, pengagihan pendapatan ini diumumkan dalam suasana pasaran saham domestik dan ekonomi global yang mencabar, dipengaruhi oleh sentimen negatif dan langkah berjaga-jaga oleh para pelabur yang didorong oleh beberapa faktor luaran.

“Antaranya, kelembapan ekonomi China selaku ekonomi kedua terbesar dunia, kemerosotan harga komoditi dan nilai Ringgit, dasar kewangan global yang tidak setara di mana terdapat kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan kadar faedah negatif di Eropah dan Jepun serta pemilihan presiden Amerika Syarikat.”

“Unjuran pertumbuhan ekonomi global yang rendah serta sentimen pelaburan yang negatif juga telah menjejaskan pendapatan korporat yang mengakibatkan harga saham serta pulangan dividen yang lebih rendah daripada syarikat-syarikat tersenarai.”

“Kebimbangan pelabur terhadap pungutan suara (*referendum*) untuk menentukan sama ada Britain keluar dari Kesatuan Eropah (Brexit) pada 23 Jun 2016 juga telah menambah ketidaktentuan kepada pasaran saham tempatan serta global. Justeru, pasaran saham di seluruh dunia telah menurun secara mendadak pada 24 Jun 2016. Ianya juga mengakibatkan FBM KLCI turut jatuh sebanyak 5.93 mata manakala nilai matawang Ringgit susut sebanyak 1.8% kepada paras RM4.0900/dolar,” ulas beliau lagi.

Dari tempoh 1 Julai 2015 sehingga 24 Jun 2016, indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.3% daripada 1,706.64 mata yang direkodkan pada 30 Jun 2015, kepada 1,634.05 mata pada

24 Jun 2016. FBM KLCI telah mengalami penurunan 2 tahun berturut-turut setelah merekodkan pulangan sebanyak -9.4% bagi tahun kewangan 2015.

Untuk pengagihan pendapatan ASD, ASNB telah memperuntukkan sebanyak RM329.12 juta yang akan memanfaatkan 307,784 pemegang unit yang melanggan sejumlah 5.23 bilion unit ASD.

Sehingga 24 Jun 2016, ASD telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM428.42 juta. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM240.58 juta atau 56.2%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM115.39 juta atau 26.9% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut. Selebihnya sebanyak RM72.46 juta atau 16.9% pula diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Manakala untuk pengagihan pendapatan ASN 2 pula, ASNB telah memperuntukkan sejumlah RM50.09 juta yang akan memanfaatkan 22,570 pemegang unit yang melanggan sebanyak 1.45 bilion unit ASN 2.

Sepanjang tahun kewangan 2016, ASN 2 berjaya mencatatkan jualan bersih walaupun prestasi pasaran saham adalah negatif. Ini menunjukkan bahawa para pelabur ASN 2 mengambil peluang untuk mengurangkan kos pelaburan melalui konsep "*dollar cost averaging*". Sehingga 24 Jun 2016, ASN 2 telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM48.75 juta.

Pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat pelaburan menyumbang sebanyak RM23.49 juta atau 48.2% daripada keseluruhan pendapatan kasar, manakala pendapatan daripada jualan saham menyumbang sebanyak RM19.31 juta atau 39.6%. Selebihnya iaitu RM5.95 juta atau 12.2% diperoleh daripada lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASD adalah berdasarkan kepada baki minimum bulanan, manakala bagi ASN 2 pula adalah berdasarkan kepada pegangan unit pada 30 Jun 2016, iaitu hari terakhir tahun kewangannya.

Pembayaran pengagihan pendapatan akan dilabur semula dalam bentuk unit secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 Julai 2016. Bagi ASN 2, unit-unit yang dikreditkan adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada 30 Jun 2016.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASD dan ASN 2 menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Kesemua urusan niaga bagi ASD dan ASN 2 di pejabat-pejabat dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 24 Jun 2016 sehingga 30 Jun 2016 bagi tujuan

pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASD dan ASN 2 masing-masing di pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2016 apabila urusan niaga dibuka seperti biasa.

ASD adalah sebuah tabung berharga tetap berkonsepkan Ekuiti Pertumbuhan yang bermatlamat memberi peluang pelaburan yang mampu menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang berpatutan kepada pemegang unitnya. ASD adalah sesuai bagi para pelabur yang ingin merancang kewangan bagi tujuan pendidikan diri sendiri mahupun anak-anak pada masa hadapan.

Sementara itu, ASN 2 merupakan sebuah tabung harga berubah yang juga berkonsepkan Ekuiti Pertumbuhan yang memberi peluang kepada para pemegang unit menikmati jumlah pulangan yang berpatutan pada tahap risiko yang bersesuaian menerusi portfolio pelaburan yang dipelbagaikan.

Perbandingan prestasi ASN 2 dari segi jumlah pulangan keseluruhan dan hasil pendapatan (*yield*) boleh dilakukan dengan instrumen-instrumen yang mempunyai ciri-ciri dan tahap risiko yang hampir serupa dengannya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Aminah Haji Mahadi
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel : 03-2050 5445
Faks : 03-2050 5268
E-mel: aminah_hm@pnb.com.my